

PM syor ilmu pengajian tinggi diserap ke dalam masyarakat

KUALA LUMPUR 30 April — Ilmu yang berpusat di institusi pengajian tinggi perlu diserapkan ke dalam masyarakat supaya aspek - aspek ilmu itu dapat dimanfaatkan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengesyorkan malam ini.

Oleh demikian, Perdana Menteri menekankan perlunya pihak pentadbiran universiti menyusun satu rancangan induk untuk menghasilkan buku - buku ilmiah dalam bahasa kebangsaan.

Beliau menegaskan kerajaan tidak mendirikan universiti untuk menciptakan golongan elit intelek tetapi untuk menjadi agen perubahan masyarakat.

"Oleh sebab itu sewajarnya ilmu yang dibina di universiti diserapkan ke dalam masyarakat," tambahnya di majlis penyampaian hadiah bahasa Persatuan Linguistik Malaysia dan Public Bank di Menara Tabung Haji malam ini.

Pemenang bersama hadiah itu ialah pengarang buku "Isu - Isu bahasa Malaysia iaitu Awang Sariyan dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan pengarang buku "Kesusasteraan Melayu dalam kritikan dan sejarah" Prof. Madya Hashim Awang, seorang pensyarah di Jabatan Pengajaran Melayu, Universiti Malaya.

Pemenang saguhati pula ialah Puan Sharifah Alwiyah Alsagoff pengarang bu-

ku "Ilmu Pendidikan Pedagogi" yang juga merupakan seorang pensyarah pendidikan di Universiti Sains Malaysia.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata adalah menjadi tanggungjawab ahli - ahli ilmu mewujudkan suasana bahawa masyarakat memerlukan buku atau apa - apa sahaja bentuk tulisan yang dapat membantu memajukan mereka.

"Sudah sampai masanya para petani, misalnya mendapat faedah daripada kajian ahli sains untuk memajukan pertaniannya dengan membaca kaedah memajukan pertanian melalui tulisan yang mudah dalam bahasa kebangsaan," ujarinya.

"Usahlah disalahkan kerajaan tentang soal dasar, kerana dasar telah kita bina. Dasar bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar ilmu hanya bererti apabila ada usaha pengisiannya."

Perdana Menteri berpendapat tidak ada sebab universiti tidak dapat merancang insentif atau kemudahan untuk ahli ilmu menghasilkan buku ilmiah dalam bahasa kebangsaan.

"Jika pada zaman yang teknologinya masih rendah, beribu - ribu kitab dan tulisan ilmiah dapat dihasilkan, maka tidak ada alasan kenapa pada zaman yang serba maju ini, saudara - saudari tidak dapat menghasilkan karya ilmiah yang lebih banyak."